

Kamera Usang Datuk



Nurafizah Abdul Razak

“Eeeee.. Banyaknya sawang!” jerit Nabilah, geli.

Nabil dan Nabilah **meninjau** keadaan sekeliling mereka. Mereka telah ditugaskan oleh datuk dan nenek mereka untuk mengemas bilik stor itu.

“Pasti ada banyak labah-labah yang akan **menyelinap** keluar dari tempat persembunyian mereka,” bisik hati Nabilah.

“Sudahlah, jangan buang masa. Mari kita mulakan,” arah Nabil dengan tegas.



“Mari kita bersihkan dan susun semula kotak-kotak itu!” cadang Nabil kepada Nabilah. Nabil mengelap habuk tebal yang menyelimuti kotak-kotak di rak-rak. Nabilah **mengikut telunjuk** Nabil.

Tiba-tiba, mata Nabil terpandang sebuah kotak besi. Kotak itu seolah-olah bercahaya! Kecurigaan mengatasi Nabil. Dia pun mengambil kotak itu lalu membukanya. “Wah, ada kamera lama!” jerit Nabil teruja.

Kamera usang itu pasti milik Atuk. Nabilah menoleh ke arah Nabil lalu segera mendekatinya. Nabil **memutarkan** lensa kamera itu lalu mengajak Nabilah untuk mengambil gambar bersama. Klik!



Tiba-tiba, Nabil dan Nabilah terasa diri mereka disedut. Mereka menutup mata kerana terasa badan mereka berpusing-pusing dan mabuk. Apabila

mereka membuka mata mereka, mereka berada di kawasan sebuah kampung.

Tidak jauh dari situ, kelihatan beberapa orang kanak-kanak sedang bermain. Nabil mengajak Nabilah mendekati seorang budak Melayu.

“Hai, nama saya Nabil. Ini Nabilah. Nama awak siapa?” tanya Nabil.



“Nama saya Ahmad,” jawab budak lelaki itu. Dia memandang Nabil dan Nabilah kehairanan kerana pakaian mereka yang berlainan.

“Boleh saya tahu tahun apakah ini?” tanya Nabil.

“Oh, sekarang tahun 1969. Mengapa kamu bertanya tentang tahun?” tanya Ahmad.

Mata Nabil dan Nabilah **membuntang** apabila mendapat tahu bahawa mereka telah dibawa ke tahun 1969. Kamera usang itu sebenarnya mesin perjalanan masa!

“Errr...tiada apa-apa sebab. Itu apa?” tanya Nabilah, menukar topik.

“Awak tak tahu? Ini daun upih. Nak main tarik upih dengan saya?” ajak Ahmad.

Mereka menganggukkan kepala tanda setuju. Mereka juga bermain baling tin, roda golek dan tapak kuda. Seronok!

Setelah penat bermain, Nabil berasa lapar lalu mengajak Ahmad mencari makanan. Di tempat

membeli makanan itu, ada **juadah** yang belum pernah mereka lihat. Walaupun ragu-ragu akan kebersihan makanan, mereka akhirnya mencuba air batu kepal. Mereka berasa agak **kekak** kerana terpaksa makan sambil memegang air batu berwarna-warni yang sejuk itu.

“Terima kasih Ahmad kerana belanja kami makan!” ucap Nabil kepada Ahmad. Ahmad tersenyum. Selang beberapa minit kemudian, perut Nabil terasa sakit.



“Aduh, sakitnya perut saya Ahmad! Mana tandas terdekat?” Nabil **mengerang** kesakitan.

Ahmad pun membawa mereka ke tandas terdekat. Sementara Nabil ke tandas, Nabilah membelek-belek dan memutar lensa kamera usang datuknya sambil cuba **berswafoto**. Tiba-tiba, kedengaran jeritan Nabil yang terkejut dengan keadaan tandas yang kotor di situ. Oleh kerana terkejut, Nabilah terpetik gambarnya dan Nabil yang sedang berlari di belakangnya.



Mereka terasa diri mereka dipusing dan disedut sekali lagi. Mereka menutupkan mata mereka kerana keadaan yang **berpendar-pendar** itu.

Akhirnya mereka berhenti berpusing lalu membuka mata mereka. Nabilah masih memegang kotak dan kamera itu.

“Nabilah, apa yang kamu lakukan dengan kamera itu?” tanya Nabil.

“Saya memutarakan lensa kamera itu dan cuba ambil gambar,” jawab Nabilah keliru.

Nabil mengambil kamera itu lalu memeriksanya. Ada anak panah di lensa kamera itu. Ia menunjuk ke arah nombor 20 dan 69. Nabil cuba mengimbas kembali saat dia memutarakan lensa itu. Dia telah memutarakan lensa itu ke arah nombor 19 dan 69.

Mungkin itulah cara mereka menentukan masa yang ingin ditujui. Mereka dibawa ke Singapura pada tahun 1969 kerana Nabil memutarakan nombor 19 dan 69. Maka itu, mereka kini berada di Singapura pada tahun 2069! Tiba-tiba...



“Nabil, imbasan badan kamu menunjukkan bahawa kamu perlu ke tandas. Sila tekan jam pintar kamu,” kedengaran suara robot.

Nabil dan Nabilah mendongak lalu ternampak hologram seorang wanita terpancar dari sebuah dron. Kemudian Nabil mendapati ada seutas jam di tangannya. Dia pun menekan ikon tandas di jam itu.

Sekonyong-konyongnya, Nabil diteleportasikan ke sebuah tandas yang canggih. Nabil boleh memilih

lagu semasa menggunakan tandas. Cermin tandas itu menunjukkan tahap kebersihan serta alat-alat yang boleh digunakan.

Setelah menggunakan tandas itu, Nabil menekan nama Nabilah di jam pintarnya. Dia terus mendapati dirinya diteleportasikan ke tempat di mana Nabilah berada.


"Nabil, kamu ke mana? Saya terperanjat melihat kamu tiba-tiba hilang!" kata Nabilah dengan suara panik.

"Jam pintar ini menteleportasikan saya ke tandas!" kata Nabil teruja sambil menunjuk ke arah jam yang berada di pergelangan tangan Nabilah.

"Wah, canggihnya! Apa lagi yang boleh ia lakukan?" tanya Nabila.

"Hmmm...mari kita lihat," jawab Nabil sambil menekan jam pintarnya.

Nabil dan Nabilah sama-sama menekan ikon alat kawalan permainan dan mendapati diri mereka




diteleportasikan ke gelanggang permainan realiti maya. Mereka boleh memilih permainan dan bermain seolah-olah mereka benar-benar dalam keadaan di dalam permainan itu. Mereka bermain permainan rollercoaster dan berasa seolah-olah mereka menaiki rollercoaster yang betul. Mereka mencuba pelbagai

permainan yang lain. Setelah beberapa permainan, mereka berasa lapar.

Mereka menekan ikon makanan dan minuman di jam pintar mereka. Kemudian mereka diteleportasikan ke sebuah restoran. Mereka dihidangkan dengan sebotol air jernih dan sebiji pil di atas piring kecil. Mereka mencuba hidangan itu dan mendapati mereka berasa kenyang. Namun mereka tidak puas hati.

“Makan pil sahaja sudah kenyang? Saya rasa lebih baik kita pulang. Saya mahu memegang, merasa dan menikmati makanan yang betul!” kata Nabilah.



Nabil dan Nabilah pun kembali ke tahun 2019. Mereka merasa lega. Mereka amat menghargai dan bersyukur dengan kemudahan yang sedia ada pada 2019. Dengan segera, mereka mendapatkan datuk dan nenek mereka. Mereka tidak sabar untuk menceritakan pengalaman mereka.



Glosari

meninjau	memeriksa, meneliti
menyelinap	bergerak dengan pantas
mengikut telunjuk	mengikut segala perintah orang
memutarkan	memusingkan
membuntang	terbeliak
juadah	makanan
kekak	kaku ketika membuat sesuatu
mengerang	mengeluh kerana kesakitan
berswafoto	gambar yang diambil sendiri
berpendar-pendar	berkelip-kelip mengeluarkan cahaya pendar



Trivia

Tahukah kamu tentang ...

Foto yang pertama dicetak di dunia dipanggil “View from the Window at Le Gras” (sekitar 1826). Dipetik dan dicetak oleh perintis jurugambar Perancis, Joseph Nicéphore Niépce. Beliau memanggil proses ini “heliografi” atau lukisan matahari – proses pendedahan cahaya mengambil masa yang lama; kira-kira 8 jam!



Aktiviti Bersama Keluarga

Ibu bapa boleh melakukan aktiviti perbincangan bersama anak atau waris.

Topik-topik perbincangan:

1. Bincangkan permainan-permainan zaman kanak-kanak yang diminati oleh ibu bapa bersama anak atau waris.
2. Bincangkan permainan-permainan kanak-kanak yang mungkin akan wujud pada tahun 2069.

